



جابتن كحاكيمن شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

PRA PERBICARAAN DAN
PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 7(43)
Tarikh : 23 Jamadilakhir 1445H
: 5 Januari 2024M

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri,
Jabatan Kehakiman Syariah/ Mahkamah Syariah Negeri-Negeri


ARAHAN AMALAN NO. 5 TAHUN 2023

KEPERLUAN UNTUK MENGEMUKAKAN CARIAN RASMI/ PERSENDIRIAN GERAN HAK MILIK TERKINI SEMASA PENDAFTARAN DAN PADA MANA-MANA PERINGKAT PROSIDING SEBELUM PENGHAKIMAN BAGI TUNTUTAN/ PERMOHONAN HARTA TAK ALIH

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 30 Rabiulakhir 1445H - 2 Jamadilawal 1445H bersamaan 14hb – 16hb November 2023M di Hotel Dorsett, Wilayah Persekutuan Labuan yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Keperluan untuk Mengemukakan Carian Rasmi/ Persendirian Geran Hak Milik Terkini semasa Pendaftaran dan pada Mana-Mana Peringkat Prosiding sebelum Penghakiman bagi Tuntutan/ Permohonan Harta Tak Alih.

2. Arahan Amalan ini turut terpakai bagi kes faraid yang didaftarkan/ dibicarakan di Mahkamah Syariah Negeri Sabah dan Sarawak sahaja dan tidak terpakai bagi kes faraid yang didaftarkan/ dibicarakan di mahkamah syariah negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta.



(DATO' HAJI MOHD AMRAN BIN MAT ZAIN)

Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA